

Pelabur Jepun Yakin Dengan Ekonomi Malaysia
Bernama
Julai 27, 2011

ALOR SETAR, 27 Julai (Bernama) -- Pelabur Jepun mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap ekonomi Malaysia dan akan terus melabur di negara ini, kata Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir.

Perkara itu dinyatakan pada siri Mesyuarat dan Seminar Perjumpaan Meja Bulat Perdagangan di Tokyo dan Osaka, Jepun, baru-baru ini antara kementerian itu dengan pelabur Jepun.

Beliau berkata antara sektor yang menjadi tumpuan utama adalah sektor automotif, teknologi hijau, elektronik, elektrik dan industri halal.

"Rata-rata pelabur menyuarakan hasrat mereka untuk menambah baik dan meningkatkan operasi mereka di sini (Malaysia) bagi menampung permintaan dunia setelah operasi mereka di Jepun terjejas sedikit akibat Tsunami Mac lepas," kata beliau kepada pemberita di sini petang Selasa.

Terdahulu Mukhriz menyampaikan sumbangan kepada 140 pelajar yang akan melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi dan penyerahan bantuan moreh kepada 35 masjid dalam kawasan Parlimen Jerlun sebanyak RM70,000.

Pelaburan Jepun di negara ini bagi tempoh 10 tahun, bermula 2000 hingga 2010, mencecah RM18.6 bilion dan merupakan antara pelaburan terbesar dari negara asing.

Sementara itu, Mukhriz berkata beliau telah memberi jaminan kepada pelabur asing di negara ini bahawa kerajaan akan memberi perlindungan sewajarnya kepada mereka jika berlaku sebarang kejadian seperti perhimpunan haram baru-baru ini anjuran pembangkang.

Katanya pelabur asing bimbang jika keadaan politik di negara ini tidak stabil ekoran tindakan pihak-pihak tertentu yang mengadakan perhimpunan haram pada 9 Julai lepas yang boleh memburukkan imej Malaysia sebagai negara aman.

"Walaupun perhimpunan Bersih tidak menjejaskan ekonomi dan pelaburan asing di negara ini, ia sedikit sebanyak menjejaskan reputasi negara ini yang mereka anggap aman dan selamat untuk mereka melabur.

"Rakyat perlu sedar negara luar sedang memerhati setiap kejadian dan tingkah laku kita dan sekiranya tersilap langkah ia sekaligus akan menjejaskan imej Malaysia yang mana menjadi faktor utama pelabur sebelum membuat pelaburan di negara ini," katanya.

-- BERNAMA